

## Pelaksanaan Pendekatan Pedagogi Terbeza dalam kalangan Guru Bahasa Melayu: Kajian Literatur Sistematis

### *(Implementation of Differentiated Pedagogical Approaches Among Malay Language Teachers: A Systematic Literature Study)*

Nurul Azira Sopian<sup>1</sup>, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [P110286@siswa.ukm.edu.my](mailto:P110286@siswa.ukm.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [munaruzanna@ukm.edu.my](mailto:munaruzanna@ukm.edu.my)

#### **CORRESPONDING AUTHOR (\*):**

Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad  
([munaruzanna@ukm.edu.my](mailto:munaruzanna@ukm.edu.my))

#### **KATA KUNCI:**

Pendekatan pedagogi terbeza  
Pengetahuan  
Amalan  
Cabaran  
Guru bahasa Melayu

#### **KEYWORDS:**

Differentiated pedagogical  
approaches  
Knowledge  
Practice  
Challenges  
Malay language teachers

#### **CITATION:**

Nurul Azira Sopian & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Pelaksanaan Pendekatan Pedagogi Terbeza dalam kalangan Guru Bahasa Melayu: Kajian Literatur Sistematis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001684.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1684>

#### **ABSTRAK**

Pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza merupakan satu kaedah pengajaran bahasa mengikut keperluan pembelajaran murid yang pelbagai. Kajian literatur sistematik ini bertujuan untuk meninjau dan menganalisis secara kritikal corak penyelidikan terkini berkaitan pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu yang memfokuskan kepada tahap pengetahuan, aspek amalan pedagogi terbeza serta cabaran pelaksanaannya dalam pengajaran bahasa Melayu. Pengkalan data Carian Bestari @ UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Google Scholar digunakan untuk mengakses artikel lima tahun terkini bermula dari bulan Mei 2018 hingga Mei 2022. Sebanyak 37 artikel telah dikenal pasti dan 8 artikel sahaja dipilih untuk dianalisis selepas melalui proses penyaringan menggunakan carta alir *Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA). Dapatan mendapati trend kajian pengetahuan dan pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu adalah seimbang pada setiap tahun. Namun, terdapat ketidakseimbangan dari segi pemilihan populasi guru bahasa Melayu daripada pelbagai jenis sekolah yang berbeza, pemilihan lokasi kajian di sekolah luar bandar dan sekolah bandar berbanding sekolah pendalaman. Skop kajian pula lebih menfokuskan kepada pengajaran bahasa secara umum dan kemahiran menulis manakala pendekatan kajian kualitatif kerap digunakan oleh pengkaji lepas. Tahap pengetahuan guru yang tidak seimbang telah dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang berbeza; kesediaan guru, sikap penerimaan guru dan kurang pendedahan. Aspek amalan pedagogi terbeza mendapati guru bahasa Melayu sangat cakna terhadap latar belakang murid semasa merancang proses dan aktiviti pengajaran mengikut aras kemampuan murid. Cabaran pelaksanaan yang lebih dominan ialah guru; kekurangan pemahaman, pengetahuan, kemahiran dan kesediaan.

### ABSTRACT

The implementation of a differentiated pedagogical approaches is a language teaching method according to the diverse learning needs of students. This systematic literature review aims to review and critically analyze the latest research patterns related to the implementation of differentiated pedagogical approaches among Malay language teachers focusing on the level of knowledge, aspects of different pedagogical practices, and the challenges. The Carian Bestari @ UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) and Google Scholar databases were used to access the latest articles from May 2018 to May 2022. A total of 37 articles were identified and 8 articles were selected for analysis after a screening process using the Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) flow chart. The findings found that the trend of the implementation of knowledge research and differentiated pedagogical approaches among Malay language teachers is balanced every year. However, there are imbalances in terms of the selection of Malay language teacher from different types of schools, the selection of study area in rural and urban schools compared to the schools in remote areas. The scope of the study focuses more on language teaching in general and writing skills while the qualitative research approach is often used by previous researchers. The level of knowledge of teachers is not balanced because it is influenced by many different factors; teacher readiness, teacher acceptance attitude, and lack of exposure. The differentiated aspects of pedagogical practice found that the Malay language teacher was very knowledgeable about the students' background when designing teaching processes and activities according to the student's ability level. The dominant implementation challenges are teachers; lack of understanding, knowledge, skills and readiness.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada bagi meninjau trend kajian berkaitan pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu di Malaysia secara berfokus. Selain itu, kajian literatur sistematik ini dapat membantu pengkaji mengenal pasti jurang kajian tentang pengetahuan dan pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza khususnya terhadap guru Bahasa Melayu.

## 1. Pengenalan

Pemansuhan sistem pengasingan kelas telah mewujudkan kepelbagaian murid di sekolah rendah mahupun menengah. Kesamarataan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu bagi murid yang mempunyai tahap kecerdasan pelbagai di dalam kelas memerlukan satu amalan pendekatan pengajaran guru bahasa Melayu yang berkualiti dan berkesan. Amalan pengajaran berkualiti dan berkesan merujuk kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran aktif yang dapat memberi impak terhadap gaya pembelajaran murid bagi menguasai proses pembelajaran yang lebih bermakna (Noor

[Lela & Nur Afrina, 2020](#)). Justeru, guru bahasa Melayu perlu meninggalkan pendekatan pengajaran tradisional dengan melaksanakan pendekatan pedagogi terbeza bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang pelbagai berbanding dengan pendekatan pengajaran bersifat “satu saiz untuk semua” untuk menghasilkan proses pengajaran yang berkesan ([Nurul Ain et al., 2021](#)).

Dapatan kajian [Roa’ani dan Nor Rul Azlifah \(2019\)](#) telah menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza yang diamalkan oleh guru bahasa Melayu dapat menghasilkan proses pengajaran Amalan Bahasa Malaysia (ABM) yang berkesan terhadap pelajar kelas peralihan untuk menguasai kemahiran berbahasa. Oleh itu, guru bahasa Melayu perlu sentiasa bersedia untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pendekatan pengajaran terkini kerana tahap pengetahuan guru bahasa Melayu mengenai konsep pedagogi terbeza masih lagi sederhana ([Danial, 2020](#)). Pengetahuan guru yang sederhana akan memberi kesan terhadap pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam pengajaran bahasa Melayu secara menyeluruh ([Nuraishahtun et al., 2019](#)). Di samping itu, kajian [Safiek \(2021\)](#) telah mendapati pelaksanaan pedagogi terbeza masih kurang dilaksanakan dalam pengajaran bahasa Melayu walaupun guru sudah bersedia dan memahami konsep pedagogi terbeza. Hal ini telah menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kepercayaan guru amat memainkan peranan penting untuk mendorong guru melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran bahasa Melayu mengikut trend pedagogi terkini yang berkesan ([Ain Nur Atika, 2021](#)).

Justeru itu, satu tinjauan sistematik literatur dilaksanakan bagi meninjau corak penyelidikan terkini berkaitan dengan pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu. Artikel yang dipilih berfokus kepada tahap pengetahuan dan aspek amalan pelaksanaan guru bahasa Melayu berkaitan pedagogi terbeza serta cabaran pelaksanaannya dalam pengajaran bahasa Melayu di dalam kelas. Menurut [Zurina et al. \(2021\)](#), pedagogi terbeza (*Differentiated Pedagogy*) merupakan satu bentuk pedagogi terkini yang perlu diamalkan untuk memenuhi keperluan pembelajaran murid yang mempunyai tahap penguasaan pelbagai aras bagi memperoleh proses pembelajaran bermakna di dalam kelas tanpa rasa terpinggir.

Tinjauan terhadap penyelidikan terkini berkaitan pengetahuan dan amalan pelaksanaan pedagogi terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu diharapkan dapat meningkatkan keyakinan guru bahasa Melayu untuk melaksanakan pendekatan pedagogi terbeza dalam pengajaran kemahiran bahasa dengan berkesan. Faktor cabaran yang dikenal pasti juga perlu diberi perhatian agar guru bahasa Melayu lebih cakna untuk melaksanakan pendekatan pedagogi terbeza secara konsisten dalam pengajaran kemahiran bahasa yang berkualiti ([Halida & Zamri, 2021](#)). Kajian lanjutan juga boleh dilaksanakan berdasarkan jurang yang terdapat dalam kajian lepas bagi memastikan pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Di samping itu, Teori Kognitif Sosial [Bandura \(1986, 2001\)](#) dan Model Pedagogi Terbeza (*Differentiated Pedagogy*) ([Tomlinson, 2014](#)) berkait rapat antara satu sama lain bagi membantu guru memahami dan memperoleh pengetahuan pedagogi terkini seterusnya mendorong guru melaksanakan pendekatan pedagogi terbeza dalam proses pengajaran. Empat proses kognitif yang terdapat dalam Teori Kognitif Sosial [Bandura \(1986, 2001\)](#) iaitu (i) keupayaan berbahasa, (ii) pembelajaran melalui pemerhatian, (iii) tingkah laku bertujuan dan (iv) penilaian sendiri dapat membantu guru untuk meningkatkan

pengetahuan tentang sesuatu maklumat yang diperoleh serta mampu mempengaruhi tindakan guru berdasarkan tujuan, kepercayaan, idea dan nilai (Nur Faeza, 2019). Seiring dengan konsep Model Pedagogi Terbeza Tomlinson (2014) yang melibatkan proses ubah suai kaedah pengajaran mengikut empat aspek utama iaitu kandungan, proses, produk dan persekitaran berdasarkan tiga elemen utama yang melibatkan kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid memerlukan tahap kesediaan guru bahasa Melayu yang tinggi daripada pelbagai aspek untuk guru melaksanakan pendekatan pedagogi terbeza dalam pengajaran di dalam kelas.

### 1.1. Konsep Pedagogi Terbeza

Kepelbagaian murid di dalam kelas kini merupakan satu cabaran yang perlu diberi perhatian oleh semua guru bahasa Melayu bagi merancang proses pengajaran kemahiran bahasa yang berkesan. Satu tindakan yang proaktif perlu dilakukan oleh guru bahasa Melayu dengan meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai konsep pendekatan pedagogi terbeza dalam pengajaran bahasa Melayu. Hal ini kerana pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza merupakan salah satu program yang terkandung dalam Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu (2016-2025) bagi Program Peningkatan Profesionalisme Pedagogi Terbeza Guru Bahasa Melayu yang terdapat dalam 19 inisiatif utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2018 di bawah elemen pemartabat pendidikan bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Oleh itu, konsep pedagogi terbeza perlu difahami dengan lebih mendalam supaya pendekatan pedagogi terbeza dapat dijadikan sebagai amalan pengajaran guru bahasa Melayu dan membolehkan guru mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut tahap kemampuan murid yang pelbagai.

Pendekatan pedagogi terbeza merujuk kepada kaedah pengajaran yang diubah suai mengikut kandungan kurikulum pedagogi yang melibatkan isi kandungan pelajaran mengikut sukatan pelajaran, pemilihan proses pengajaran berdasarkan kepelbagaian strategi yang sesuai, produk daripada hasil pembelajaran murid mengikut objektif pengajaran dan penyediaan persekitaran kelas yang selesa bagi memenuhi keperluan murid (Zurina et al., 2021). Konsep ini seiring dengan Model Pedagogi Terbeza Tomlinson (2014) yang menetapkan pengubah suaian empat elemen penting seperti (i) kandungan, (ii) proses), (iii) produk dan (iv) persekitaran yang memberi tumpuan kepada aspek murid yang pelbagai dari segi minat, kesediaan murid dan profil pembelajaran. Hal ini telah menunjukkan bahawa pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza amat fleksibel kerana guru bebas merancang pendekatan pengajaran yang digunakan dengan menyesuaikan sukatan pelajaran mengikut keperluan murid bagi menjamin pembelajaran yang lebih bermakna (Hatixhe & Ilirjana, 2018).

Tomlinson (2014) juga mendorong guru agar tidak melakukan pembezaan pengajaran yang melibatkan kaedah pengajaran 'satu saiz untuk semua' untuk murid yang berbeza bagi menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Hal ini kerana, keperluan murid menguasai kemahiran bahasa Melayu memerlukan strategi dan kaedah pengajaran guru yang sesuai dan berkesan. Kaedah pengajaran guru yang bersifat konvensional dan satu hala telah menyumbang kepada masalah penguasaan kemahiran bahasa murid di sekolah (Zamri, 2020; Jayaganes & Khairul Azhar, 2021). Justeru, guru bahasa Melayu perlu meningkatkan pengetahuan dan menguasai pelaksanaan pedagogi khususnya pendekatan pedagogi terbeza kerana terdapat pelbagai jenis sekolah dalam sistem pendidikan kini yang memerlukan satu pelaksanaan pedagogi pengajaran yang lebih bermakna bagi memenuhi keperluan murid di semua jenis sekolah seperti Sekolah

Orang Asli (SOA), Sekolah Kurang Murid (SKM), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).

## 2. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah Kajian Literatur Sistematis. kaedah ini dipilih bagi memastikan maklumat tinjauan literatur yang dikenal pasti dapat dianalisis dengan lebih teliti. Kajian ini juga menggunakan *Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) sebagai panduan dalam membuat pemilihan artikel yang bersesuaian dengan persoalan kajian yang ditetapkan. Terdapat tiga peringkat utama yang diaplikasikan berpandukan carta alir PRISMA iaitu aspek pengenalpastian artikel (*identification*), penapisan pemilihan artikel (*screening*) dan peringkat rangkuman (*included*) (Valerie & Shahlan, 2021).

### 2.1. Strategi Carian Artikel

Proses pencarian artikel yang dipilih berfokus kepada hasil pengamatan daripada kajian- kajian lepas yang telah dilaksanakan secara dalam talian menggunakan dua pangkalan data utama iaitu pangkalan data Carian Bestari @ UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan *Google Scholar* yang berkaitan dengan persoalan kajian. Strategi pencarian data menggunakan kata kunci yang terdiri daripada “pengetahuan pedagogi terbeza”, “amalan pedagogi terbeza” dan “guru bahasa Melayu” telah digunakan. Merujuk kepada kata kunci tersebut, artikel yang berkaitan dipaparkan pada pangkalan data untuk dipilih.

### 2.2. Kriteria Pemilihan Artikel

Bagi memperoleh artikel kajian yang sesuai, proses pemilihan perlu mematuhi kriteria penerimaan dan penolakan artikel berdasarkan [Jadual 1](#). Antara kriteria penerimaan artikel kajian ialah artikel yang boleh diakses penuh dan tempoh tahun penerbitan perlu lima tahun terkini iaitu bermula dari tahun Mei 2018 hingga Mei 2022. Tahun pemilihan penerbitan artikel perlu dihadkan dalam tempoh lima tahun terkini agar isu yang diusulkan masih relevan dan popular (Kong & Mohd Effendi, 2020). Selain itu, artikel yang dipilih perlu ditulis dalam bahasa Melayu yang memfokuskan kepada pengetahuan, amalan dan cabaran pendekatan pedagogi terbeza guru bahasa Melayu. Jenis bahan rujukan juga terdiri daripada artikel jurnal dan penolakan akan dibuat kepada bahan rujukan yang terdiri daripada tesis, persidangan dan buku. Hal ini kerana artikel jurnal merupakan satu kajian empirikal yang memperoleh hasil dapatan kajian yang jitu menerusi proses penyelidikan (Siti Azira Jose & Mohd Ewan, 2021).


Jadual 1: Kriteria Penerimaan dan Penolakan

Kriteria Penerimaan	Kriteria Penolakan
Artikel jurnal dengan akses penuh	Artikel yang tidak boleh diakses penuh
Penerbitan 5 tahun terkini (2018-2022)	Penerbitan dari tahun 2017 ke belakang
Ditulis dalam bahasa Melayu	Ditulis selain daripada bahasa Melayu
konteks pengetahuan dan amalan pedagogi terbeza guru bahasa Melayu	Di luar konteks pengetahuan dan amalan pedagogi terbeza guru bahasa Melayu
kajian empirikal	tesis, buku, persidangan

### 2.3. Proses pemilihan artikel

Pelaksanaan proses pemilihan artikel telah dilaksanakan pada bulan April 2022 dengan menggunakan dua pangkalan data utama iaitu Carian Bestari @ UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan *Google Scholar*. Sebanyak 37 artikel telah dikenal pasti iaitu dua artikel daripada pangkalan data CarianBestari@UKM manakala 35 artikel daripada *Google Scholar* yang menggunakan kata kunci “pengetahuan pedagogi terbeza”, “amalan pedagogi terbeza” dan “guru bahasa Melayu. Namun, 37 artikel yang dikenal pasti akan melalui proses penyaringan berdasarkan [Rajah 1](#). Sebanyak 2 artikel sama disisihkan dan 35 artikel melalui proses penyaringan manakala baki artikel yang diterima adalah sebanyak 8 artikel untuk dianalisis dalam kajian SLR yang dijalankan.

Rajah 1: Carta Alir Proses Pemilihan Artikel



Sumber: Diadaptasi daripada Model PRISMA ([Matthew et al., 2021](#))

### 2.4. Pengumpulan Data dan Analisis Data

[Jadual 2](#) adalah ringkasan artikel-artikel yang diterbitkan pada tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022

Jadual 2: Senarai artikel

Bil	Penulis	Tajuk
1	<a href="#">Roa'ani Mohamed &amp; Nor Rul Azlifah (2019)</a>	Keberkesanan pendekatan pedagogi terbeza dalam PdPc bahasa Melayu kelas peralihan: Satu kajian tindakan di sebuah sekolah di Kuantan
2	<a href="#">Nuraishahtun et al. (2019)</a>	Pelaksanaan modul pedagogi terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu
3	<a href="#">Danial (2020)</a>	Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam

		kalangan guru bahasa melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3
4	<a href="#">Mohd Izani &amp; Wan Muna Ruzanna (2020)</a>	Faktor ketidaksediaan guru terhadap pelaksanaan kelas bercampur aras murid
5	<a href="#">Halida Jawan &amp; Zamri Mahamod (2021)</a>	Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat bahasa Melayu murid sekolah rendah
6	<a href="#">Ain Nur Atika (2021)</a>	Tahap pengetahuan dan kesediaan guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza semasa pkp
7	<a href="#">Mohd Rohiman et al. (2022)</a>	Pelaksanaan pengajaran guru bahasa Melayu berteraskan KPMPerkasaku: satu kajian kes
8	<a href="#">Ain Nur Atika (2022)</a>	Masalah dihadapi oleh guru bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR)

### 3. Hasil Dapatan dan Perbincangan Kajian

#### 3.1. Trend Kajian Pengetahuan dan Pelaksanaan Pendekatan Pedagogi Terbeza dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu

Merujuk kepada dua pangkalan data yang digunakan iaitu Carian Bestari @ UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan *Google Scholar*, trend pelaksanaan kajian berkaitan pengetahuan dan pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu adalah seimbang pada setiap tahun. Walaupun begitu, terdapat ketidakseimbangan telah dikenal pasti dari segi populasi yang melibatkan guru bahasa Melayu daripada jenis sekolah yang pelbagai. Pelaksanaan kajian pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu telah menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran terbeza ini dapat membantu guru meningkatkan amalan kualiti pengajaran bahasa Melayu di dalam kelas. Hal ini kerana kesan daripada pembatalan pengasingan kelas oleh kementerian pendidikan pada tahun 2019 memerlukan guru melengkapkan diri dengan pendekatan pedagogi terkini bagi memenuhi keperluan murid yang berbeza agar proses pengajaran bahasa dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

**Jadual 3** menunjukkan trend kajian semasa pendekatan terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu telah dijalankan di pelbagai jenis sekolah yang terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Dapatan ini menunjukkan bahawa kajian telah dijalankan secara menyeluruh terhadap hampir keseluruhan jenis sekolah. Walau bagaimanapun masih wujud jurang kajian terhadap pelaksanaan kajian bagi sekolah yang mempunyai modul pendekatan terbeza secara khusus seperti Sekolah Orang Asli (SOA) dan jenis sekolah yang tidak dibekalkan modul seperti Sekolah Transformasi, Sekolah Amanah dan Sekolah Kluster. Pemilihan lokasi kajian juga dilihat tidak seimbang antara satu sama lain kerana pengkaji lepas lebih memilih lokasi kajian di sekolah luar bandar dan sekolah bandar berbanding sekolah pedalaman. Terdapat lima artikel yang dijalankan melibatkan kawasan sekolah luar bandar dan bandar. Manakala dua artikel lagi dijalankan di kawasan pedalaman kerana semua Sekolah Jenis Kurang Murid (SKM) kebanyakannya terdapat di kawasan tersebut.

Jadual 3: Ringkasan analisis trend kajian terkini

Pengkaji/ Tahun	Jenis Sekolah	Lokasi Kajian	Domain Pengajaran BM	Pendekatan kajian
Roa'ani & Nor Rul Azlifah (2019)	SJKC	Kuantan	Kemahiran lisan	Kajian Tindakan
Nuraishahtun et al. (2019)	SABK	Ipoh	PdP BM	Kualitatif (kajian kes)
Danial (2020)	Sekolah Kebangsaan (Pendalaman Kategori 3)	Daerah Beluran, Sabah	PdP BM	Kuantitatif
Mohd Izani & Wan Muna Ruzanna (2020), Halida & Zamri (2021)	Sekolah Kebangsaan (Pendalaman)	daerah Mersing	PdP BM	Kualitatif
Ain Nur Atika (2021)	Sekolah Menengah Kebangsaan	Kapit	Kemahiran Menulis	Kualitatif
Mohd Rohiman et al. (2022)	Tidak dinyatakan	Daerah Kemaman	PdP BM secara talian (PdPR)	Kuantitatif (deskriptif)
Ain Nur Atika (2022)	Sekolah Menengah Kebangsaan	Tidak dinyatakan	Kemahiran menulis	Kualitatif (kajian kes)
		Daerah Kemaman	PdP BM secara talian (PdPR)	Kuantitatif (deskriptif)

Sehubungan itu, skop kajian tidak dilaksanakan secara menyeluruh kerana kemahiran bahasa yang dikaji adalah terhad untuk beberapa kemahiran bahasa sahaja walaupun kajian dijalankan setiap tahun. Pengkaji lepas lebih memfokuskan kepada kajian pengajaran bahasa secara umum dan kemahiran menulis. Perkara ini telah menunjukkan bahawa masih terdapat kekangan dari segi tahap pengetahuan guru bagi menjamin pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza secara menyeluruh dalam setiap kemahiran pengajaran bahasa seperti kemahiran lisan dan kemahiran membaca. Dari aspek pendekatan kajian yang digunakan pula menunjukkan penggunaan jenis reka bentuk kajian yang tidak seimbang iaitu tiga artikel berbentuk kuantitatif, empat artikel berbentuk kualitatif dan satu artikel menggunakan reka bentuk kajian tindakan yang mengumpul data secara kuantitatif serta kualitatif. Perkara ini menunjukkan bahawa pendekatan kajian kualitatif merupakan satu bentuk kajian yang kerap dan sesuai digunakan untuk meneroka isu kajian secara mendalam bagi memperoleh satu data yang konkrit untuk menjelaskan sesuatu kenyataan yang merujuk kepada tujuan utama kajian (Mohd Rohiman & Rohizani, 2021).

### 3.2. Tahap Pengetahuan Pendekatan Pedagogi Terbeza Guru Bahasa Melayu

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang berkesan, guru bahasa Melayu perlu sentiasa bersedia dengan meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan pendekatan pedagogi terkini khususnya pendekatan pedagogi terbeza bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang kini tidak lagi melalui proses pengasingan kelas. Pengetahuan yang tinggi terhadap pendekatan pengajaran yang

sesuai amat penting untuk memastikan proses pengajaran dalam kalangan murid yang berbeza tidak terjejas (Geviana & Nurfaradilla, 2021).

Jadual 4 menunjukkan pelbagai tahap pengetahuan pendekatan pedagogi terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu yang tidak menyeluruh dan tidak seimbang. Terdapat dua artikel yang menunjukkan bahawa guru bahasa Melayu masih tidak bersedia untuk menggunakan pendekatan pedagogi yang sesuai dalam pengajaran bahasa kerana mereka masih tidak memahami konsep pendekatan pedagogi terbeza dengan betul dan jelas. Hal ini menjelaskan bahawa faktor ketidaksediaan guru melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan berkaitan pedagogi yang sesuai dan terkini untuk menghadapi kepelbagaian murid di dalam satu kelas yang sama masih lagi berada pada tahap yang rendah (Mohd Izani & Wan Muna Ruzanna, 2020). Sikap guru yang tidak dapat memahami konsep pedagogi terbeza dengan baik juga akan menyumbang kepada masalah guru untuk menghasilkan proses pengajaran bahasa yang berkesan (Ain Nur Atika, 2022).

Jadual 4: Tahap pengetahuan guru bahasa Melayu terhadap pendekatan pedagogi terbeza

Tahap Pengetahuan Pedagogi Terbeza Guru BM	Kajian
Tidak memahami konsep pendekatan pedagogi terbeza dengan betul dan jelas	Mohd Izani & Wan Muna Ruzanna (2020), Ain Nur Atika (2022)
Sederhana rendah, rendah dan tidak menyeluruh	Roa'ani & Nor Rul Azlifah (2019), Danial (2020)
Memahami konsep pedagogi terbeza dengan baik	Nuraishahtun et al. (2019), Halida & Zamri (2021)
Tinggi	Mohd Rohiman et al. (2022), Ain Nur Atika (2021)

Di samping itu, terdapat dua artikel kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru berada pada tahap sederhana dan tidak menyeluruh telah menyukarkan guru mengaplikasikan pedagogi terbeza. Walaupun penerimaan guru terhadap pedagogi ini positif namun tahap pengetahuan yang sederhana rendah telah memberi kekangan kepada guru novis untuk memahami konsep pendekatan pedagogi terbeza secara mendalam kerana tiada pendedahan tentang pelaksanaan pedagogi terbeza di dalam bilik darjah (Danial, 2020). Hal ini seiring dengan dapatan kajian Roa'ni et al. (2019) yang mendapati tahap pengetahuan dan penguasaan pelaksanaan pedagogi terbeza guru bahasa Melayu sebelum mengikuti bengkel berada pada tahap rendah. Namun begitu, tahap kefahaman dan amalan pendekatan pedagogi terbeza guru bahasa Melayu kelas peralihan semakin meningkat selepas mengikuti bengkel pedagogi terbeza serta memberi impak yang positif terhadap motivasi dan semangat guru untuk melaksanakan proses pengajaran bahasa yang menarik dan berkualiti.

Selain itu, terdapat empat artikel yang telah menunjukkan tahap pengetahuan guru berada pada tahap yang tinggi dan baik. Dapatan ini membuktikan bahawa penguasaan guru terhadap pengetahuan konsep pedagogi terbeza dapat mempengaruhi pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza dalam pengajaran bahasa secara menyeluruh. Halida dan

Zamri (2020) mengatakan tahap pengetahuan guru yang baik dalam pendekatan pedagogi terbeza membolehkan guru mewujudkan proses pengajaran kemahiran menulis yang berkesan melalui kaedah pengajaran yang pelbagai mengikut tahap murid. Justeru, guru dapat membekalkan proses pengajaran dan pembelajaran yang adil kepada semua jenis murid yang berbeza (Mohd Rohiman et al., 2022). Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan dan pemahaman yang tinggi tidak menjamin kepada pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza yang menyeluruh jika sikap guru itu sendiri masih terikat dengan pendekatan pengajaran tradisional yang masih tidak memberi keutamaan kepada potensi semula jadi murid yang pelbagai (Nuraishahtun et al., 2019).

Secara keseluruhannya, hasil dapatan artikel berkenaan tahap pengetahuan guru bahasa Melayu terhadap pendekatan pedagogi terbeza adalah tidak seimbang antara satu sama lain yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang berbeza seperti kesediaan guru (Mohd Izani & Wan Muna Ruzanna, 2020; Halida & Zamri, 2020; Mohd Rohiman et al., 2022), sikap penerimaan guru (Nuraishahtun et al., 2019; Ain Nur Atika, 2021) dan kurang pendedahan (Danial, 2020; Roa'ani & Nor Rul Azlifah, 2019). Oleh itu, tahap pengetahuan guru terhadap pendekatan pedagogi terbeza ini perlu ditingkatkan secara berterusan agar guru dapat menghasilkan amalan pengajaran bahasa yang berkualiti dengan mengaplikasikan pendekatan pedagogi terbeza secara holistik.

### 3.3. Amalan Pelaksanaan Pedagogi Terbeza Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu

Jadual 5 menunjukkan amalan pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran bahasa Melayu dilaksanakan dengan baik jika tahap pengetahuan pedagogi guru bertindak seiring dengan keperluan pendidikan terkini. Terdapat 5 amalan pelaksanaan pedagogi terbeza guru bahasa Melayu yang dikenal pasti dalam proses pengajaran bahasa berdasarkan kajian yang telah dianalisis.

Jadual 5: Amalan Pelaksanaan Pedagogi Terbeza Guru Bahasa Melayu

Amalan Pelaksanaan Pedagogi Terbeza guru BM	Kajian
Perancangan proses pengajaran sebelum, semasa dan selepas mengikut kepelbagaian murid menggunakan pendekatan pedagogi terbeza.	Danial (2020), Mohd Rohiman et al. (2022), Halida & Zamri (2021), Nuraishahtun et al. (2019), Roa'ani & Nor Rul Azlifah (2019)
Perancangan proses pengajaran mengikut elemen pedagogi terbeza secara menyeluruh dari segi kandungan, proses, produk dan persekitaran yang mempengaruhi penulisan rancangan pengajaran harian (RPH) dan bahan bantu mengajar (BBM).	Nuraishahtun et al. (2019), Ain Nue Atika (2021)
Menyediakan aktiviti pengajaran bahasa Melayu mengikut kesesuaian kepelbagaian aras murid	Danial, (2020), Ain Nur Atika (2021), Mohd Rohiman et al. (2022), Halida & Zamri (2021)
Pelbagai kaedah pengajaran kemahiran menulis mengikut tahap murid berbeza	Halida & Zamri (2021), Mohd Rohiman et al. (2022)

---

Membuat penilaian hasil pembelajaran terhadap murid yang berbeza	<a href="#">Nuraishahtun et al. (2019)</a> <a href="#">Danial, (2020)</a>
--	--

---

Berdasarkan [Jadual 5](#) iaitu jadual ringkasan amalan pelaksanaan pedagogi terbeza guru bahasa Melayu, terdapat lima artikel kajian telah menunjukkan guru bahasa Melayu kerap mengamalkan pendekatan pedagogi terbeza dalam perancangan proses pengajaran yang mengambil kira isu kepelbagaian murid di dalam kelas. Kepentingan guru dalam memastikan murid daripada latar belakang berbeza ini perlu diberi perhatian kerana pemansuhan pengasingan kelas telah mewujudkan kebolehan murid yang pelbagai di dalam kelas. Lantaran itu, proses pengajaran perlu dirancang secara sistematik agar tiada isu keciciran murid bagi menguasai kemahiran bahasa secara berterusan dan konsep pedagogi terbeza merupakan satu amalan terbaik yang boleh diamalkan oleh guru bahasa Melayu untuk mewujudkan strategi pengajaran yang berkesan.

Hal ini kerana konsep pendekatan pedagogi terbeza menumpukan kepada aspek kepelbagaian murid yang boleh mempengaruhi hasil pembelajaran murid dan kaedah pengajaran guru yang berkesan ([Mohd Hasrul, 2019](#)). Di samping itu, hasil dapatan analisis kajian lepas telah menunjukkan bahawa keprihatinan guru bahasa Melayu terhadap isu kepelbagaian murid sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran telah mewujudkan satu amalan pengajaran bahasa yang berkesan serta dapat memberi impak yang positif terhadap gaya pengajaran guru dan motivasi belajar murid secara berterusan ([Nuraishahtun et al., 2019](#); [Roa'ani & Nor Rul Azlifah, 2019](#); [Mohd Rohiman et al., 2022](#); [Halida & Zamri, 2021](#)). Amalan pedagogi yang dapat memenuhi keperluan kepelbagaian murid ini membolehkan guru meningkatkan amalan pengajaran seiring dengan keperluan pendidikan kini.

Selain itu, amalan pedagogi terbeza juga dapat membantu guru mendepani isu kepelbagaian murid menguasai kemahiran bahasa Melayu dengan baik kerana pendekatan pedagogi terbeza merupakan satu bentuk pengajaran yang boleh diubah suai mengikut empat elemen utama pengajaran seperti kandungan, proses, produk dan persekitaran ([Tomlinson, 2014](#)). Terdapat dua artikel telah menunjukkan bahawa gaya pengajaran yang diubah suai mengikut elemen pedagogi terbeza secara menyeluruh dapat mempengaruhi penulisan rancangan pengajaran harian (RPH) dan pemilihan bahan bantu mengajar (BBM) yang berkualiti. Elemen pedagogi terbeza yang telah diubah suai oleh guru dalam pendekatan pedagogi terbeza membolehkan guru merancang proses pengajaran yang sesuai mengikut kebolehan murid tanpa menggunakan kaedah pengajaran "one-size-fits-all" ([Nuraishahtun et al., 2019](#)). Guru boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pemilihan BBM mengikut kesesuaian kandungan, proses dan produk yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid mengikut kesediaan, minat dan profil pembelajaran murid ([Ain Nur Atika, 2021](#)).

Merujuk Falsafah pedagogi terbeza [Tomlinson \(2014\)](#), setiap murid mempunyai gaya belajar yang tersendiri dan guru merupakan penggerak utama yang bertanggungjawab membantu mereka menggapai kejayaan. Terdapat empat artikel telah menunjukkan bahawa guru bahasa Melayu menyediakan pelbagai aktiviti pengajaran yang berbeza bagi memenuhi kepelbagaian murid dalam pengajaran kemahiran bahasa Melayu. Kepelbagaian aktiviti ini penting agar semua murid dapat menjalani proses pengajaran dan pembelajaran secara sama rata dan adil walaupun strategi pengajaran yang digunakan berbeza ([Mohd Rohiman et al., 2022](#)). Guru juga mengamalkan kaedah

pendekatan terbeza bagi memenuhi jurang ilmu pengetahuan serta tahap kemahiran bahasa murid yang terdiri daripada pelbagai tahap penguasaan iaitu tahap lemah, sederhana, baik dan cemerlang semasa proses pengajaran dijalankan (Halida & Zamri, 2021). Jurang ilmu ini perlu dipenuhi oleh guru agar penguasaan kemahiran bahasa Melayu murid dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa dengan lebih konsisten.

Sehubungan itu, terdapat dua artikel menunjukkan guru bahasa Melayu telah mempelbagaikan kaedah pengajaran kemahiran menulis terhadap murid pelbagai tahap. Antara kaedah pengajaran kemahiran menulis yang digunakan seperti teknik bina ayat mudah kepada sukar, bimbingan rakan sebaya antara murid cemerlang dengan lemah, latih tubi dan menyalin semula contoh ayat (Halida & Zamri, 2021). Kaedah pengajaran yang pelbagai ini dapat memberi impak positif terhadap penguasaan membina ayat murid kerana konsep pedagogi terbeza mendorong guru melaksanakan kaedah pengajaran mengikut tahap penguasaan murid. Perhatian terhadap tahap penguasaan murid amat penting bagi memastikan guru dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid yang berbeza untuk menguasai kandungan kurikulum yang telah ditetapkan (Mohd Rohiman et al., 2022).

Analisis artikel juga telah mendapati bahawa guru bahasa Melayu mengamalkan penilaian hasil pembelajaran terhadap murid pelbagai tahap (Nuraishahtun et al., 2019; Danial, 2020). Hasil pembelajaran yang dinilai dapat dijadikan eviden untuk guru memperbaiki amalan dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan keperluan murid. Hal ini kerana penilaian secara berterusan bagi murid yang berbeza tahap dapat membantu guru mendepani keunikan murid yang berbeza kebolehan serta kemahiran untuk memperoleh proses pembelajaran yang berkesan (Geviana & Nurfaradilla, 2021). Oleh itu, amalan penilaian sumatif wajar dijalankan secara berterusan dan tidak hanya memfokuskan kepada penilaian formatif sahaja agar proses pembelajaran murid dapat ditingkatkan secara konsisten serta menyeluruh.

Secara keseluruhannya, analisis dapatan ini mendapati guru bahasa Melayu cenderung mengamalkan dan mengaplikasikan pendekatan pedagogi terbeza dengan mengambil cakna terhadap latar belakang murid terlebih dahulu seterusnya merancang proses pengajaran sebelum, semasa dan selepas mengikut konsep asas pedagogi terbeza dengan mengubah suai elemen utama pengajaran dari segi kandungan, proses, produk dan persekitaran yang kondusif untuk mewujudkan proses dan aktiviti pengajaran bahasa yang pelbagai serta berkesan (Nuraishahtun et al., 2019; Roa'ani & Nor Rul Azlifah, 2019; Danial, 2020; Ain Nur Atika, 2021); Mohd Rohiman et al., 2022; Halida & Zamri, 2021). Amalan pedagogi terbeza yang diamalkan oleh guru bahasa Melayu hendaklah dijalankan secara berterusan dan konsisten agar keperluan pembelajaran bermakna bagi murid yang pelbagai dapat dipenuhi untuk mencapai objektif pengajaran kemahiran bahasa secara menyeluruh.

### **3.4. Cabaran Pelaksanaan Pedagogi Terbeza dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu**

Aspek cabaran perlu dikenal pasti bagi memastikan pelaksanaan pedagogi terbeza dapat dijalankan secara menyeluruh dan lancar. Jadual 6 telah menunjukkan terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaan pedagogi terbeza yang melibatkan guru, murid, pentadbiran, kurikulum, alat bantu mengajar, bahan bantu mengajar dan ibu bapa.

Jadual 6: Cabaran Pelaksanaan Pedagogi Terbeza Guru Bahasa Melayu

Cabaran Pelaksanaan Pedagogi Terbeza Guru Bahasa Melayu	Kajian
Murid	<a href="#">Halida &amp; Zamri (2021)</a> <a href="#">Ain Nur Atika (2022)</a>
Guru	<a href="#">Nuraishahtun et al. (2019)</a> , <a href="#">Halida &amp; Zamri (2021)</a> , <a href="#">Danial (2021)</a> , <a href="#">Ain Nur Atika (2021)</a> , <a href="#">Ain Nur Atika (2022)</a>
Alat Bantu Mengajar (ABM) Bahan Bantu Mengajar (BBM) Kurikulum Ibu Bapa	<a href="#">Ain Nur Atika (2021)</a> , <a href="#">Halida &amp; Zamri (2021)</a> , <a href="#">Ain Nur Atika (2022)</a>

Terdapat beberapa aspek cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Melayu untuk melaksanakan pedagogi terbeza dengan lebih berkesan. [Halida dan Zamri \(2021\)](#) menyatakan cabaran daripada murid lebih dominan daripada masalah guru untuk menerapkan pedagogi terbeza dengan lebih menyeluruh. Hal ini kerana masalah sikap murid yang sering melakukan kesalahan yang berulang dan pengaruh bahasa ibunda menyukarkan guru melaksanakan pedagogi terbeza dalam pengajaran kemahiran menulis dengan berkesan. Murid juga kurang berminat untuk membina ayat yang betul kerana mereka tiada motivasi untuk menguasai kemahiran menulis secara konsisten. Selain itu, masalah kehadiran dan sikap murid yang sambil lewa telah memberi kekangan kepada guru untuk menerapkan pedagogi terbeza dalam pengajaran bahasa Melayu secara dalam talian ([Ain Nur Atika, 2022](#)).

Walaupun begitu, lima artikel telah mendapati faktor guru juga telah menyebabkan cabaran pelaksanaan pedagogi terbeza dalam amalan pengajaran guru. Kekurangan pemahaman, pengetahuan dan kemahiran terhadap konsep pedagogi terbeza menyukarkan guru untuk mengamalkan pedagogi terbeza dengan lebih efisien dan menyeluruh ([Danial, 2021](#); [Ain Nur Atika, 2021](#); [Ain Nur Atika, 2022](#)). Perkara ini telah menyumbang kepada ketidaksediaan guru untuk melaksanakan pedagogi terbeza dalam pengajaran kemahiran bahasa. Sehubungan itu, sikap guru yang masih cenderung menggunakan pendekatan pengajaran tradisional berbanding pedagogi pengajaran terkini menghalang guru melaksanakan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan keperluan kepelbagaian murid ([Nuraishahtun et al. , 2019](#)). Dengan itu, faktor cabaran ini perlu diberi perhatian agar guru dapat membuat penambahbaikan terhadap pendekatan pedagogi terbeza yang mendorong kepada amalan pengajaran yang berkualiti.

Selain itu, kajian [Ain Nur Atika \(2022\)](#) telah mendapati cabaran sokongan asas dari segi alat bantu mengajar (ABM) dan bahan bantu mengajar (BBM) seperti ketiadaan internet, kekurangan peranti dan bahan pengajaran yang terhad telah memberi kesan terhadap pelaksanaan pendekatan terbeza dalam pengajaran bahasa secara dalam talian. Guru juga menghadapi kekurangan masa untuk memantau proses pengajaran kerana peruntukan masa untuk murid menguasai isi pelajaran secara dalam talian adalah terhad. Perkara ini telah menunjukkan bahawa masalah dari segi peruntukan masa mengikut kurikulum yang ditetapkan memberi kekangan dan cabaran kepada guru untuk mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang sesuai dengan keperluan norma pendidikan kini yang mementingkan kepelbagaian murid secara menyeluruh dalam membentuk proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna. Ekoran itu, ibu bapa

kurang memberi sokongan dan kerjasama kepada guru untuk melaksanakan pendekatan pedagogi terbeza semasa pengajaran dalam talian kerana proses pengajaran ini memerlukan pemantauan secara berterusan.

Faktor bebanan tugas di sekolah, rumah serta komitmen lain turut menyumbang kepada cabaran guru untuk merancang pelaksanaan pendekatan pedagogi terbeza kerana tidak dapat membuat persediaan semasa merancang dan menulis Rancangan Pengajaran Harian (RPH) merujuk elemen konsep pedagogi terbeza (Ain Nur Atika, 2021). Guru juga turut menghadapi cabaran untuk menyediakan (BBM) yang sesuai mengikut tahap kognitif murid yang pelbagai (Halida & Zamri, 2021; Ain Nur Atika, 2022). Pengulangan bahan bantu mengajar yang sama telah menyukarkan guru untuk memilih BBM yang sesuai dan cabaran ini juga berlaku kerana tiada aplikasi pengajaran dalam talian yang sesuai yang boleh diaplikasikan dengan pendekatan pedagogi terbeza secara dalam talian (Ain Nur Atika, 2022). Secara keseluruhannya, aspek cabaran daripada pihak guru sendiri merupakan aspek cabaran yang paling dominan yang telah dikenal pasti dalam artikel kajian lepas. Oleh itu, cabaran yang menghalang pelaksanaan pedagogi terbeza ini perlu diatasi agar pelaksanaan pendekatan terbeza dapat dilaksanakan secara optimum dalam pengajaran bahasa guru bahasa Melayu pada setiap peringkat di sekolah.

#### **4. Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, pendekatan pedagogi terbeza merupakan satu pendekatan pengajaran yang kian relevan dalam dunia pendidikan kini. Keperluan pendidikan global telah menuntut guru bahasa Melayu merancang kaedah pengajaran yang dapat memenuhi kepelbagaian keupayaan pembelajaran murid di dalam satu kelas yang sama secara menyeluruh. Dengan itu, guru perlu peka terhadap pembezaan murid di dalam kelas kerana kesan daripada pemansuhan sistem pengasingan kelas di Malaysia pada tahun 2019 memerlukan guru memainkan peranan yang penting untuk mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang bermakna. Hal ini kerana guru merupakan penggerak utama untuk membantu murid meningkatkan prestasi pembelajaran dengan menyampaikan ilmu dalam keperluan kurikulum khususnya bagi menguasai subjek bahasa Melayu serta kemahiran bahasa dengan lebih holistik (Nurul Ashikin et al., 2020).

Justeru itu, guru perlu menerima transformasi pendekatan pedagogi yang dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara positif agar dapat merancang proses pengajaran yang sama rata dengan lebih konsisten dan berimpak tinggi dalam menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan di Malaysia.

#### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penghargaan kepada Dr Wan Muna Ruzanna Wan Ahmad atas sumbangan dalam memberi panduan dan idea terhadap penghasilan kajian literatur sistematik ini.

#### **Kewangan (*Funding*)**

Penulis tidak menerima sebarang tajaan atau sumbangan.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangannya atau penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 75-87.
- Ain Nur Atika Agus. (2022). Masalah Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(01), 50-62.
- Bandura A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura A. (2001). Social Cognitive Theory: An Agentic Perspective. *Annual review of Psychology*, 52(1), 1-26.
- Danial Arif Abdul Muttalip (2020). Pelaksanaan Pendekatan Terbeza Pengajaran Terbeza Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu yang Mengajar di Sekolah Rendah Pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 29-42.
- Geviana Gladysa George & Nurfaradilla Mohamad. (2021). Pendekatan Pengajaran Terbeza: Pengetahuan dan Amalan Guru Kelas Bercantum di Sekolah Kurang Murid (Kajian Literatur Sistematis). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 484-494.
- Halida Jawan & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan Cabaran Pengajaran Terbeza dalam Meningkatkan Penguasaan Membina Ayat Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 67-77.
- Hatixhe Ismajli & Ilirjana Imami-Morina. (2018). Differentiated Instruction: Understanding and Applying Interactive Strategies to Meet the Needs of All the Students. *International Journal of Instruction*, 11(3), 207-218.
- Jayaganes Balanadam & Khairul Azhar Jamaluddin. (2021). Isu dan Cabaran dalam Kemahiran Membaca Dikalangan Murid Sekolah Rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 127-135.
- Siti Azira Jose & Mohd Effendi@ Ewan Mohd Matore (2021). Tinjauan Literatur Bersistematis: Faktor Burnout dalam Kalangan Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(1), 168 - 186.
- Kong, S. F. & Mohd Effendi@ Ewan Mohd Matore. (2020). Sikap Pelajar Terhadap Implementasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam Pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 72-81.
- Matthew, J. P. et al. (2021). The PRISMA 2020 statement: an updated guideline for reporting systematic reviews. *Research Open Acces*. 10:89 <https://doi.org/10.1186/s13643-021-01626-4>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Modul Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Melayu, Pedagogi Terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan*. Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai: Kuala Lumpur.
- Mohd Hasrul Kamarulzaman. (2019). *Kognisi Guru Mengenai Kaedah Pengajaran Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Mohd Izani Hashim, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2020). Faktor Ketidaksediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Kelas Bercampur Aras Murid. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 196-204.
- Mohd Rohiman Subri & Rohizani Yaakub. (2021). Pengetahuan Pedagogi Guru Cemerlang Bahasa Melayu dalam Pengajaran Komponen Sastra: Satu Kajian Kes. *Asian People Journal (Apj)*, 4(1), 50-64.
- Mohd Rohiman Subri, Azlinda Boheran Nudin & Ismail Ebrahim. (2022). Pelaksanaan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Berteraskan KPMPERKASAKU: Satu Kajian Kes. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 419-427.
- Noor Lela Ahmad & Nur Afrina Haziqah Azman. (2020). Tahap Amalan Pengajaran Berkesan Guru Prinsip Perakaunan Berasaskan Model Slavin. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45 (1), 53-62.
- Nur Faeza Abd. Ghafar. (2019). Kompetensi Profesional Guru Mata Pelajaran Reka Cipta Sekolah Menengah di Malaysia. Tesis Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nuraishahtun Md Akhir, Zamri Mahamod, Siti Faraziah Md Akib & Norshiha Hj Sailon. (2019). Pelaksanaan Modul Pedagogi Terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (Skepen) Ke-6, Pp. 1450-1465. 21-22 September. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Nurul Ain Chua, Goh Ying Soon, Mohd Yusri Ibrahim, Che Hasniza Che Noh, Noor Rohana Mansor, Che Mohd Zaid, Roswati Abdul Rashid & Min Shen. (2021). Virtual Differentiated Instruction And Its Implementation In Mandarin Teaching: A Review. *Journal of Nusantara Studies*, 6(2), 231-249.
- Nurul Ashikin Md.Yatim, Chew, F.P. & Zuraidah Abdullah. (2020). Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 43-53.
- Roa'ani Mohamed & Nor Rul Azlifah Zulkafali. (2019). Keberkesanan Pendekatan Pedagogi Terbeza dalam PdPc Bahasa Melayu Kelas Peralihan: Satu Kajian Tindakan di Sebuah Sekolah di Kuantan. *Journal of Sciences and Management Research*, 5 (2), 68-86.
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza dalam Kalangan Guru Prasekolah: Satu Tinjauan Awal. *Borneo International Journal*, 4(3), 9-18.
- Tomlinson, C. A. (2014). *The differentiated classroom: Responding to the needs of all learners* (2nd Edition). ASCD.
- Valerie Thomas & Shahlan Surat. (2021). Sorotan Literatur Bersistemik: Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 158 - 168.
- Zamri Mahamod. (2020). *Linguistik Terapan Pendidikan Bahasa Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bandar Baru Bangi
- Zurina Mustafa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Pedagogi Terbeza untuk Pengajaran Guru Terhadap Kepelbagaian Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 202 - 214.